

Kosmo m/s 13 22/7/2025 (Selasa) Negara

Sukarelawan bantu ringankan beban petugas kesihatan di Johor



TIAN SOON (dua dari kanan) melakukan gimik penyerahan mesin Echocardiography kepada HSI di Johor Bahru semalam.

JOHOR BAHRU – Kerajaan negeri mengambil langkah proaktif dengan menggunakan khidmat pasukan sukarelawan Southern Volunteers bagi membantu mengurangkan beban kerja petugas kesihatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) di bandar raya ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon berkata, bagi fasa pertama ini, ia melibatkan seramai 100 sukarelawan yang akan ditempatkan di kedua-dua hospital utama itu dalam masa terdekat.

Katanya, pasukan sukarelawan ini akan menjalani kursus selama seminggu bagi membantu mempersiapkan diri mereka mengenai cara kerja di luar bi-

Johor perlukan 4,600 petugas kesihatan

Sebelum ini, akhbar melaporkan Johor memerlukan sekurang-kurangnya 4,600 petugas kesihatan bagi menangani krisis tenaga kerja sektor kesihatan yang semakin kritikal ketika ini.

dang perubatan.

"Pasukan sukarelawan yang digerakkan ini merupakan pelan jangka pendek bagi mengurangkan beban kerja petugas kesihatan yang mendesak ketika ini.

"Peranan mereka ini lebih kepada kerja-kerja administrative termasuk pentadbiran, peng-

hantaran dokumen, membantu pesakit untuk mendaftar dan menghantar pesakit," katanya pada majlis penyerahan mesin Echocardiography oleh firma guaman Ikbal Salam & Associates kepada Wad Kardiotorasik di HSI, di sini semalam.

Sebelum ini, akhbar melaporkan Johor memerlukan sekurang-kurangnya 4,600 petugas kesihatan bagi menangani krisis tenaga kerja sektor kesihatan yang semakin kritikal ketika ini.

Tian Soon berkata, jumlah kakitangan itu diperlu bagi menampung kekurangan staf kesihatan di hospital utama di Johor.

Jelasnya, HSA dan HSI antara hospital utama yang berdepan kekurangan staf kesihatan.

**KERATAN
KOSMO!
16 Julai
2025.**

Utusan Malaysia m/s 8 22/7/2025 (Selasa)

Pengusaha akur, terpaksa tanggung rugi

Haram jual vape di Perlis kekal 1 Ogos ini

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Larangan penjualan vape atau rokok elektronik di negeri ini kekal berkuat kuasa 1 Ogos ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Affendi Rajini Kanth berkata, tidak ada sebarang penangguhan memandangkan perkara tersebut sudah dimaklumkan sejak daripada awal lagi.

Katanya, bermula 18 sehingga 31 Julai, pihak MPK akan mengadakan fasa hebahan awal merangkumi pengedaran notis ke premis, pemantauan serta hebahan awam.

Ujarnya, bermula 1 sehingga 31 Ogos akan dilaksanakan penguatkuasaan penuh manakala 1 Ogos adalah tarikh kuat kuasa rasmi larangan penjualan vape di premis perniagaan.

“Dalam tempoh sebulan itu juga, MPK akan melaksanakan operasi bersepadu dengan agensi penguatkuasa berkaitan seperti polis dan Jabatan Kesihatan.

“Ia akan melibatkan penguatkuasaan dan pemeriksaan ke premis sasaran dan juga tindakan penguatkuasaan kompaun. Bermula 1 September hingga se-



SEORANG pekerja kedai vape, Farhan Muhammad, 28, mula mengemas stok rokok elektronik menjelang pengharaman penjualan vape berkuat kuasa 1 Ogos ini. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

terusnya, tindakan penguatkuasaan tegas terhadap kesalahan berulang termasuk pembatalan lesen,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sebelum ini, pengusaha jualan vape di Perlis merayu agar kerajaan negeri mempertimbangkan lanjutan tempoh penguatkuasaan larangan penjualan rokok elektronik itu sehingga hujung tahun ini bagi membolehkan mereka menghabiskan stok sedia ada.

Seorang pekerja kedai vape, Asyraf Mizwar, 28, dilaporkan berkata, sejak pengumuman larangan itu pada Mei lalu, jualan vape menurun mendadak sehingga 60 peratus.

Pada 14 Mei lalu, Menteri Besar Perlis, Mohd. Shukri Ramli memaklumkan bahawa penjualan vape akan diharamkan bermula 1 Ogos berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis yang mengenai rokok elektronik pada 2022.

Sinar Harian nels 16 Nasional 22/7/2025 (Selasa)

'Suntikan maut' pemutihan kulit

Rawatan pemutihan kulit tanpa pemantauan doktor boleh undang risiko kegagalan organ penting

Oleh NOR HAFIZAH MD SHAH
 KUALA LUMPUR

Penyalahgunaan suntikan pemutihan kulit dalam dos yang berlebihan tanpa pemantauan daripada doktor boleh mengundang risiko kematian seperti kegagalan jantung.

Pakar rawatan estetik bertauliah, Dr Che Muhammad Hafiz Che Baharum berkata, antara implikasi negatif lain yang mungkin terjadi ialah kerosakan hati, buah pinggang, gangguan sistem imun serta sesak nafas secara tiba-tiba selepas melakukan rawatan.

Lebih membimbangkan beliau berkata, masalah kesihatan sampingan akibat rawatan tidak sah berkenaan mampu menyumbang kepada kes ke-

sihatan mental serius.

"Rawatan suntikan pemutihan kulit secara haram kini kembali tular serta menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengamal perubatan apabila semakin ramai individu berisiko menjadi mangsa akibat tawaran harga yang murah.

"Fenomena ini bukan isu baharu dan telah lama berleluasa termasuk rawatan itu dilakukan secara rahsia di hotel atau dari rumah ke rumah oleh individu tidak bertauliah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Terdahulu, tular satu klip video pendek memaparkan tindakan seorang wanita sedang melakukan prosedur pemutihan dengan cara suntikan intravena sambil duduk di dalam kereta.

Klip video itu mendapat perhatian warga maya dengan majoritinya menyuarakan kebimbangan di atas kesan negatif ke atas wanita berkenaan dari aspek kesihatan diri.

Mengulas lanjut, Che Muhammad Hafiz mendedahkan, ramai golongan



CHE MUHAMMAD
 HAFIZ

wanita terjebak dengan perkhidmatan rawatan tidak sah berkenaan disebabkan tawaran harga murah dan kesan suntikan pantas untuk mencerahkan warna kulit.

"Tawaran harga yang murah dan kesan cepat membuatkan masyarakat mudah tertipu dengan perkhidmatan diberikan oleh golongan yang mengambil kesempatan ini," katanya.

Tambah Che Muhammad Hafiz, antara kandungan bahan yang sering digunakan dalam rawatan suntikan pemutihan kulit termasuk *glutathione*, vitamin C dan pelbagai bahan tambahan lain.

"Semua orang berkeinginan untuk kelihatan putih dan cantik, tetapi jangan sampai jatuh ke perangkap yang salah.

"Dapatkan nasihat doktor yang bertauliah dan berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Jangan mudah percaya pada tawaran harga murah kerana natijah mudaratnya amat berat untuk dihadapi kelak," ujarinya lagi.



Video tular di sosial media memaparkan tindakan seorang wanita melakukan suntikan pemutihan dengan cara suntikan intravena.



Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

Sinar Harian 11/5/12 22/7/2025 (Selasa)

Obses nak putih tapi muka jadi tompok-tompok

MERAK Jalanan rasa pelik juga tengok trend manusia zaman sekarang. Pantang nampak cermin, asyik belek muka. Kalau nampak jerawat sebiji, terus panik macam dunia nak kiamat. Kalau kulit tak cukup putih, mulalah rasa rendah diri.

Padahal Tuhan sudah cipta kita elok-elok. Ada mata, ada hidung, ada mulut dan lengkap semuanya. Tapi masih juga tak puas hati. Sanggup berhabis ribu-ribu buat pembedahan plastik.

Hidung ditinggikan, dagu diruncingkan, pipi ditegangkan. Akhirnya, yang

asal cantik pun jadi pelik.

Lagi satu yang Merak Jalanan perhatikan, ramai yang obses nak putih. Macam tak sedar diri lahir kat negara Khatulistiwa. Memanglah kulit kita sawo matang. Tapi nak juga disuntik segala macam cecair konon-konon nak jadi putih melepak. Sampai ada yang sanggup cucuk glutathione, vitamin C, entah apa-apa lagi.

Masalahnya, benda tu bukan calang-calang risiko. Kalau cucuk dengan orang tak bertaulah, silap hari bulan boleh ro-

sak buah pinggang. Nak cantik punya pasal, tapi akhirnya badan yang merana. Kulit pun boleh jadi nipis, mudah kena penyakit. Itu belum kira yang kulit jadi bercapuk, muka jadi tompok-tompok macam peta dunia.

Merak Jalanan juga pernah dengar cerita, ada yang sanggup gadai barang kemas mak ayah, pinjam duit lintah darat semata-mata nak buat rawatan muka dan badan. Sudahnya, duit habis, muka pun rosak. Bila tak jadi seperti diidamkan, mulalah kemurungan. Sampai ada

kes tak nak keluar rumah sebab malu dengan muka sendiri.

Kalau tanya doktor, mereka pun geleng kepala. Banyak bahan pemutih yang dijual secara haram, tak ada kelulusan KKM. Ada yang mengandungi merkuri, ada yang pakai hydroquinone berlebihan. Kesan jangka panjang? Bukan saja kulit rosak, malah boleh bawa maut.

Merak Jalanan cuma nak pesan satu saja. Jagalah kesihatan, bersyukur dengan apa yang ada. Kalau nak cantik, biarlah cantik cara selamat.

The Sun M/S 4 National 22/7/2025 (Belara)

Ban on tampered vape may backfire, says academic

► 'Move could make adulterated products harder to control and penalise legitimate users'

BY T. C. KHOR
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: As calls to ban tampered vape products such as K-Pod grow louder, experts have warned that an outright ban may backfire, exacerbating the problem rather than solving it.

They say addressing the issue requires political will, inter-agency coordination, psychological insight and, above all, compassion.

Universiti Sains Malaysia criminologist Datuk Dr P. Sundramoorthy described the rise of adulterated vapes as an escalation in Malaysia's struggle against evolving forms of substance abuse.

"What makes these products especially dangerous is not just their chemical composition but their design. They are discreet, odourless and flavoured.


"Tampered vape liquids have essentially become stealthy, socially accepted delivery systems for synthetic drugs. And they are alarmingly accessible to school and college students."

However, he cautioned that a blanket ban could worsen the situation by pushing the market further underground, which would make adulterated products even harder to trace and control.

"It could also penalise legitimate users who rely on vaping as a harm-reduction tool," he said.

He warned that a ban may trigger backlash from young voters and small-business owners, who form part of the country's growing vape retail sector.

Sundramoorthy called instead for multi-layered regulation and the creation of a centralised regulatory



Sundramoorthy called for the formation of a national task force to lead enforcement and craft culturally relevant awareness campaigns for youth, parents and teachers. — SYED AZAHAR SYED OSMAN/THE SUN

body to oversee vape policy, including mandatory chemical testing of vape liquids, particularly flavoured and imported variants, before they are approved for sale.

He proposed tougher penalties for vendors caught selling tampered products near schools or youth-centric areas.

He said despite recent regulatory changes, Malaysia's legal framework remains inadequate to handle the vape industry's growing complexity.

"There is no comprehensive ban or regulation on vape liquids, particularly those imported or sold online. Enforcement at the point of sale is sporadic and customs control over vape paraphernalia remains porous."

He added that forensic labs are underequipped and understaffed, making rapid testing during school

raids or medical emergencies almost impossible.

"This is a textbook case of enforcement mechanisms struggling to keep pace with innovation in substance abuse. Without a centralised regulatory body, efforts are fragmented. The result is a policy vacuum that criminals exploit with ease," he said.

Sundramoorthy also said the issue highlights broader systemic failures, such as porous borders, weak inter-agency coordination, inconsistent enforcement, institutional corruption and outdated educational messaging, all of which undermine national resilience.

He called for the formation of a national task force comprising police, the Health Ministry, the Customs Department, forensic experts and educators to lead

enforcement while also crafting culturally relevant awareness campaigns that target youth, parents and teachers.

Malaysian Psychological Association president Assoc Prof Dr Shazli Ezzat Ghazali stressed that the solution must address the emotional and psychological state of Malaysian youth.

"The answer is not merely a lack of information, but rather deeper psychological factors. Vape use is sometimes not just experimentation. It could become a defensive mechanism for coping, an escape from academic pressure, family conflict, social anxiety or low self-worth," he said.

He explained that adolescence is a time of intense peer influence and identity confusion, and vaping is often used as a tool to "join the gang" or appear "cool."

"Many teens are in an identity crisis and those unable to find themselves experience role confusion," he said.

He noted that the adolescent brain, particularly the prefrontal cortex, which governs impulse control and risk evaluation, is not yet fully developed, making teens more likely to follow trends without grasping long-term consequences.

He added that colourful packaging and sweet flavours make vaping seem fun and harmless, distancing it from the health risks that are traditionally associated with cigarettes.

"Pop culture and social media indirectly normalise the use of illicit substances, making it seem bold, free and attractive."

Shazli said products such as K-Pod that offer a quick euphoric high appeal especially to youths dealing with stress, depression or emotional instability.

A May report by the United Nations Office on Drugs and Crime revealed the detection of etomidate, a hypnotic anaesthetic agent, in e-liquids used in vape devices. Misuse of this substance has been linked to symptoms such as intoxication, hand tremors, anxiety, panic and confusion.

Ramai mula batuk, demam

- Had aktiviti luar rumah, pakai pelitup muka
- Jerebu mampu cetus komplikasi kesihatan

Oleh ALANI NIZAM

PETALING JAYA - Kesihatan orang ramai mula terjejas ekoran jerebu sejak beberapa hari lalu dengan ramai mengadu mengalami simptom batuk, sakit tekak dan demam akibat terdedah kepada udara tercemar.

Tinjauan Kosmo! mendapati, orang ramai terutama warga emas dan golongan berisiko dilihat sudah mula mengambil inisiatif perlindungan sendiri dengan memakai pelitup muka.

Seorang ibu, Norizan Mohd. Nor, 33, berkata, dia mula mengehadkan aktiviti luar buat anak-anaknya selepas mereka menunjukkan simptom batuk dan demam sejak minggu lalu.

"Anak saya masing-masing berusia tiga dan lima tahun sangat sensitif. Sejak jerebu makin teruk, mereka mula demam, batuk dan sakit tekak. Jadi, saya pakaikan mereka pelitup muka apabila keluar dan kurangkan waktu bermain di luar," katanya di sini semalam.

Bagi pemandu teksi, Sham-suddin Daud, 56, dia mengakui kesihatannya turut terjejas akibat cuaca jerebu apabila tekak menjadi kering dan batuk.

"Tetapi nak elak keluar rumah memang tak boleh sebab saya masih bekerja. Jadi, saya pakai pelitup muka. Ini inisiatif saya untuk menjaga kesihatan diri sendiri yang sudah berumur," ujarnya.

Bagi Nur Safiya Haizul, 20, yang menghidap penyakit asma sejak kecil berkata, dia memakai pelitup muka dan mengehadkan pergerakan luar.

"Kalau udara tak bersih,



PEMANDANGAN yang dirakam di Lebuhraya Port Dickson - Seremban yang diselaputi jerebu semalam.

- MOHD SHAHJEHAN MAAMIN



ANGGOTA bomba berusaha memadamkan kebakaran tanah gambut di Rimba Panjang, wilayah Riau kelmarin. - AFP

asma saya mudah menyerang. Udara kotor ini kita tak nampak, tetapi sangat berisiko kepada orang yang ada masalah kesihatan macam saya," jelasnya.

Pekerja farmasi di Subang Jaya, Tan Mei Lin berkata, permintaan terhadap pelitup muka jenis tiga lapis dan N95 meningkat sejak beberapa hari lalu dengan kebanyakan pembeli adalah ibu bapa dan warga emas.

Sementara itu, Pakar Kesihatan, Profesor Madya Dr. Haliza Abdul Rahman berkata, pendedahan berpanjangan kepada

udara tercemar ketika jerebu bukan sahaja menyebabkan ketidakselesaan harian, malah boleh mencetuskan komplikasi kesihatan serius termasuk kanser paru-paru dan strok.

Menurutnya, antara simptom jangka pendek yang lazim berlaku adalah batuk berterusan, mata pedih, sakit tekak, sesak nafas dan keletihan melampau.

Katanya, jika dibiarkan dalam tempoh lama, individu berisiko menghidap penyakit kronik seperti Penyakit Paru-paru Obstruktif Kronik (COPD), strok

dan masalah jantung.

Tambah Heliza, golongan paling terdedah adalah kanak-kanak, warga emas, pesakit kronik dan wanita hamil kerana sistem imun atau fisiologi mereka lebih lemah dan mudah terjejas oleh pencemaran udara.

"Penghidap penyakit kronik seperti asma, bronkitis, sangat terkesan kerana jerebu memburukkan keradangan saluran pernafasan serta boleh mencetuskan serangan akut dan wanita hamil juga tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi," katanya.

Enam negeri mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat setakat pukul 4 petang semalam dengan Alor Gajah, Melaka merekodkan bacaan IPU tertinggi iaitu 157 diikuti Seremban, Negeri Sembilan (155) dan Kemaman, Terengganu (153). Dua kawasan di Selangor turut mencatatkan IPU tidak sihat iaitu Johan Setia (152) dan Banting (135).

Temerloh dan Balok Baru di Kuantan, Pahang mencatatkan bacaan IPU 152. Bagi Negeri Sembilan, bacaan IPU di Nilai menunjukkan penurunan kepada 138, manakala Cheras, Kuala Lumpur (132).